

15 JAN 2003

MCA-Perlembagaan (Bergambar)/I

PERLEMBAGAAN: TIGA BULAN UNTUK MCA NEGERI BERI MAKLUM BALAS

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Jawatankuasa Pusat (CC) MCA memberi tempoh tiga bulan kepada jawatankuasa negeri untuk memberi maklum balas terhadap cadangan parti itu untuk mengkaji semula perlembagaannya.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata cadangan itu yang dikemukakan anggota perwakilan semasa mesyuarat agung tahunan part itu (AGM) yang lepas, dan dijalankan oleh sebuah jawatankuasa mengkaji semula perlembagaan MCA yang dipengerusikan oleh Setiausaha Agung Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, setakat ini hanya menerima maklum balas yang sangat sedikit.

Pada AGM MCA yang lepas, terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan termasuk menghadkan tempoh pemegang jawatan termasuk presiden kepada hanya tiga penggal atau sembilan tahun, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat jawatankuasa pusat MCA di Wisma MCA di sini hari ini.

Cadangan lain ialah untuk memansuhkan jawatan yang tidak perlu selain cadangan untuk menghadkan jumlah perwakilan dari setiap bahagian.

"Hakikatnya kami tidak gembira dengan maklum balas itu (dari bahagian)," kata Dr Ting apabila diminta menjelaskan mengenai perkara itu.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata mesyuarat hari ini sebulat suara merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang merasmikan majlis pecah tanah bagi pembinaan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di Perak pada Selasa lepas.

"UTAR turut menerima peruntukan kerajaan dan kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri," katanya.

Dr Ling berkata ulang tahun MCA ke-54 akan diadakan di Johor Baharu pada 2 Mac depan dengan tema "Bersatu Demi Kehormatan".

Beliau berkata jawatankuasa pusat parti itu mendapati sekolah yang diletakkan di bawah "Projek Langkawi" menunjukkan prestasi kelulusan lebih baik dan MCA akan terus membantu sekolah-sekolah berkenaan.

-- BERNAMA

AT HK HM